

Newspaper	Berita Harian
Date	6 February 2016

# Kerajaan jamin utama kepentingan rakyat

BH- 6/2/2016

**Sungai Petani:** Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan kerajaan akan terus mengutamakan kepentingan rakyat walaupun negara kehilangan pendapatan RM40 bilion berikutan kejatuhan harga minyak.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, usaha membantu rakyat akan tetap diutamakan dan ia terbukti melalui pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan baru-baru ini.

"Dalam pengubahsuaian Bajet 2016, kerajaan lakukan beberapa perkara termasuklah pesawah padi di Kedah yang turut dibekalkan perhatian khususnya melalui pengumuman tunai tambahan RM50.

"Keluarga miskin tegar kita bekalkan 20 kilogram (kg) beras setiap bulan dan kita akan fikir

**"Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, usaha membantu rakyat akan tetap diutamakan dan ia terbukti melalui pengubahsuaian Bajet 2016 yang diumumkan baru-baru ini"**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

kaedahannya... meskipun kita kehilangan hasil RM40 bilion kerana harga minyak jatuh merudum.

"Sebagai kerajaan kita tak mahu rakyat susah dan rakyat tetap terima bantuan," katanya berucap merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sungai Petani di Ukir Mall di sini, semalam.

## UTC kedua di Kedah

UTC Sungai Petani yang beroperasi secara rasmi 1 Februari lalu, adalah yang kedua di Kedah selepas UTC Alor Setar, membatik kos RM15 juta. Ia adalah yang ke-10 dibina kerajaan sejak 2012, iaitu tiga di Kuala Lumpur serta masing-masing satu di Melaka, Perak, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak.

Pada majlis itu, Najib turut meluluskan peruntukan RM15 juta untuk tujuan penyediaan kom-

pleks peniaga dan penjaja di Sungai Petani, susulan permohonan dibuat Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

"Kalau saya tak jawab permohonan Menteri Besar baharu dalam ucapan sulungnya, nanti kata saya tak mahu pula. Jadi mahu tak mahu kerana ini ucapan sulungnya, kalau saya tak jawab malam ini tak boleh tidur... maka saya luluskan peruntukan itu.

"Buatlah yang terbaik asalkan tujuan kita baik untuk peniaga yang duduk merata supaya kita kumpulkan di satu tempat," katanya

Selain Ahmad Bashah, yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan penyediaan UTC di seluruh negara dengan konsep yang unik, melambangkan aspirasi kerajaan untuk melakukan transformasi perkhidmatan kepada rakyat.

Mengambil contoh di sesete-

ngah negara, beliau berkata, hari Ahad sememangnya sukar untuk meminta penjawat awam bekerja, tetapi di Malaysia ia boleh dilakukan melalui UTC yang beroperasi tujuh hari seminggu bermula 8.30 pagi hingga 10 malam.

## Perubahan paradigma

"Ini mencerminkan perubahan pada paradigma pemikiran kita. Selama ini setiap jabatan (hanya) melihat bagaimana penambahbaikan boleh dilakukan dari sudut jabatan atau agensi masing-masing, sekarang bekerjasama sebagai satu sama ada membabitkan agensi kerajaan di peringkat pusat atau negeri.

"Saya boleh katakan UTC ini memecah tembok dan lohong yang memisahkan kerjasama erat antara jabatan dan agensi kerajaan... sebagai contoh UTC Sungai Petani ada 10 agensi membabitkan tujuh dari pusat dan tiga negeri," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri singgah di Masjid Permatang Gedung untuk menunaikan solat Jumaat bersama warga kariah kawasan itu.